

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.**  
**BILANGAN 4/1981.**

---

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.

Tuan,

**LARANGAN EKSPOT BAHAN-BAHAN BANTUAN KE LUAR NEGERI.**

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan iaitu di dalam Mesyuarat Kajian semula Larangan Pengekspotan Bahan-bahan Batu Keluar Negeri yang telah diadakan pada 4hb. September, 1981 di Kementerian Perdagangan dan Perlindungan Malaysia di Kuala Lumpur diantara Pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Kementerian yang berkenaan, pihak Kementerian telah diarah untuk menimbang semula larangan yang dikenakan ke atas lapan (8) jenis bahan-bahan batuan ke luar negeri yang berkuatkuasa sekarang seperti berikut:-

- I) Tanah;
- II) Pasir (kecuali pasir tapisan dan pasir silica);
- III) Batu kapur;
- IV) Lime;
- V) Batu Granite dalam segala bentuk;
- VI) Laterite;
- VII) Batu ( Bricks ) dan
- VIII) Rumput;

2. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan Negeri Terengganu pada masa ini tidak bercadang untuk mengekspot kesemua jenis bahan-bahan batu di atas memandang kegunaannya di dalam Negeri masih lagi diperlukan dengan banyaknya dan masih lagi tidak mencukupi.

3. Oleh yang demikian semasa kelulusan diberi oleh pihak tuan untuk pengeluaran bahan-bahan batuan, adalah diarahkan supaya semua permit-permit (Borang 4C) di bawah seksyen 72 Kanun Tanah Negara hendaklah diendoskan dengan perkataan "Untuk Kegunaan Dalam Negeri (Semenanjung Malaysia) Sahaja" pada tiap-tiap kali permit tersebut dikeluarkan.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

t.t.  
 ( DATO' LELA JASA )  
 Pengarah Tanah dan Galian,  
 Terengganu.

Bil. (14) dlm. PTG.TR. (S) 8/80  
 s.k.  
 Yang Berhormat,  
 Setiausaha Kerajaan, Terengganu.  
 Kuala Terengganu, 15hb. November, 1981.